

SULIT

NAMA :

NO. K.P

						-								
--	--	--	--	--	--	---	--	--	--	--	--	--	--	--



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN ABDUL JALIL
43100 HULU LANGAT
SELANGOR

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2021

2280/2

TINGKATAN LIMA
GEOGRAFI
KERTAS 2
NOVEMBER 2021

2 JAM 30 MINIT

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian: **Bahagian A**, **bahagian B** dan **Bahagian C**.
2. Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A** dan **B** serta dua soalan daripada **Bahagian C**.
3. Jawapan bagi **Bahagian A dan B** hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan.
4. Jawapan bagi **Bahagian C** hendaklah ditulis pada kertas anda sendiri.
5. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.
6. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik dan alat geometri.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	15	
	2	15	
B	3	10	
	4	10	
	5	10	
C	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
Jumlah		100	

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

Bahagian A

[40 markah]

Jawab **semua** soalan

Soalan 1 berdasarkan peta topo siri 2280/2/2017. Kaji peta ini dengan teliti sebelum menjawab soalan berikut.


- 1 (a) Namakan lokasi paling tinggi yang terdapat di bahagian utara garisan Utaraan 89 dalam peta.

.....
[1 markah]

- (b) (i) Berikan rujukan grid bagi (1a).

.....
[2 markah]

Soalan b (ii) berdasarkan segi empat grid berikut.



- (ii) Apakah jenis cerun yang terdapat dalam segi empat grid di atas?

.....
[1 markah]

- (c) (i) Jika anda berada di titik tanda tinggi Bukit Sialang (RG 521849) dan memandang tepat ke arah Kg. Seri Dewi (RG 520838). Berapakah bearing Kg. Seri Dewi?

.....
[2 markah]

- (ii) Apakah ciri budaya yang boleh anda nampak di (c)(i)?

.....
.....
.....
[2 markah]

Soalan d berdasarkan segi empat grid berikut.



(d) Berapakah keluasan kawasan Hutan Rizab Sahara yang terdapat dalam segi empat grid di atas?

.....
[2 markah]

(e) Apakah fungsi Hutan Rizab Sahara terhadap kawasan di sekitarnya.

.....
.....
.....
.....
[3 markah]

(f) Kerajaan bercadang untuk memajukan sistem pengangkutan kereta api sedia ada kepada sistem pengangkutan kereta api elektrik pada masa akan datang. Beri alasan anda untuk menyokong pernyataan di atas.

.....
.....
.....
.....
[2 markah]

Jadual 1 menunjukkan jumlah pengeluaran hasil kelapa sawit Malaysia (tan metrik) tahun 1997 - 1999.

Tahun	Minyak kelapa sawit mentah	Isi kelapa sawit
1997	9100	2600
1998	8300	2400
1999	10 600	3000

Jadual 1
Sumber: *Buku Tahunan Perangkaan Malaysia 2000*,
Jabatan Perangkaan Malaysia

2 (a) Berdasarkan Jadual 1, lukiskan sebuah graf bar berganda yang menunjukkan jumlah pengeluaran hasil kelapa sawit Malaysia (tan metrik) tahun 1997 – 1999. Gunakan skala 1 cm mewakili 1 000 tan metrik.

[10 markah]

(b) Tafsirkan jumlah pengeluaran hasil kelapa sawit Malaysia ('000 tan metrik) tahun 1997 – 1999 dalam graf yang telah anda bina.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[5 markah]


Bahagian B

[30 markah]


Jawab **semua** soalan

*Untuk
Kegunaan
Pemerik*

Soalan 3 berdasarkan Rajah A dan B



Rajah A



Rajah B

3 (a) Namakan :

(i) Rajah A :

(ii) Rajah B :

[2 markah]

(b) Namakan unsur cuaca yang berkaitan dengan rajah A dan B di atas.

.....
[1 markah]

(c) (i) Apakah maksud angka 3 di tengah-tengah rajah A?

.....
[1 markah]

(ii) Nyatakan ciri-ciri alat dalam rajah B.

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

(d) Terangkan kegunaan maklumat cuaca dan iklim kepada kehidupan manusia

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

Soalan 4 berdasarkan Foto 1



Foto 1

4 (a) Nyatakan jenis pergerakan jisim yang berlaku dalam foto 1.

.....
[1 markah]

(b) Bagaimanakah tindakan manusia boleh menyebabkan berlakunya kejadian seperti dalam foto 1?

.....
.....
.....
[2 markah]


(c) Kemukakan langkah awal untuk mengurangkan kesan fenomena ini kepada manusia dan alam sekitar.

.....
.....
.....
.....
[3 markah]

(d) Adakah wajar sekiranya kawasan petempatan mewah dibina di kawasan tanah tinggi. Kemukakan alasan anda.

.....
.....
.....
.....
[4 markah]

Soalan 5 berdasarkan rajah 1.



Rajah 1

5 (a) Nyatakan peringkat aliran sungai di kawasan X dalam rajah 1?

..... [1 markah]

(b) Senaraikan bentuk muka bumi peringkat aliran sungai di kawasan Y ?

(i)

(ii)

[2 markah]

(c) Kawasan X berpotensi dimajukan untuk penjanaaan stesen kuasa hidroelektrik. Berikan alasan anda.

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

(d) Terangkan kesan alam sekitar yang berlaku sekiranya kawasan dalam rajah 1 diteroka.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

Bahagian C

[40 markah]

Jawab **dua** soalan sahaja

- 6 (a) Mengapakah kawasan pinggir laut di Malaysia terkenal dengan aktiviti ekolancongan?
[4 markah]
- (b) Huraikan kepentingan kegiatan agro pelancongan kepada pembangunan negara Malaysia.
[6 markah]
- (c) Sebagai agen pelancongan negara Malaysia, kemukakan peranan dan cadangan anda untuk menjadikan sektor pelancongan sebagai sumber pendapatan utama negara.
[6 markah]

Rajah 2 menunjukkan logo Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN)



Rajah 2

- (d) Nyatakan faedah dari segi ekonomi yang diperolehi oleh Malaysia sebagai sebuah negara anggota ASEAN.
[4 markah]

Soalan 7 berdasarkan Foto 2.



Foto 2

Sumber: *Ihsan PERHILITAN 31 Julai 2020*

- 7
- (a) Huraikan kegiatan manusia yang mengancam hidupan liar di Foto 2. [6 markah]
 - (b) Jelaskan kepentingan memelihara tumbuh-tumbuhan semulajadi dan hidupan liar dari sudut alam sekitar. [4 markah]
 - (c) Usulkan usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk pemeliharaan dan pemuliharaan tumbuh-tumbuhan semulajadi dan hidupan liar di negara kita. [4 markah]
 - (d) Pada pendapat anda, wajarkah membantah cadangan pembukaan beratus-ratus ribu hektar hutan untuk kegiatan pertanian ? Berikan hujah anda berdasarkan kesan terhadap ekosistem. [6 markah]

Soalan 8 berdasarkan Foto 3.

SEPANG: Lebih 50% Projek Solar Berskala Besar (LSS) terbesar di Malaysia giat dibangunkan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Ladang Solar berkapasiti 50 MW merangkumi aktiviti utama misalnya struktur bagi panel solar, selain penanaman kabel bawah tanah 132 KV dan fiber optik sepanjang 10 km.



Foto 3

- 8 (a) Mengapakah projek di foto 3 wajar dilaksanakan di Malaysia?
[6 markah]
- (b)(i) Sumber petroleum merupakan sumber yang tidak boleh baharu. Oleh itu, penggunaannya perlu dihadkan. Kemukakan alasan anda.
[6 markah]
- (ii) Jelaskan kekangan yang wujud sekiranya kerajaan ingin memajukan penggunaan sumber tenaga pada 8 (b)(i) di Malaysia?
[4 markah]
- (c) Nyatakan usaha yang boleh dilakukan oleh kerajaan Malaysia untuk memastikan kelestarian sumber tenaga negara pada masa akan datang.
[4 markah]

9 (a) Di atas Peta 1, di halaman 11, namakan:

- (i) Bandar sempadan bertanda **P**
- (ii) Bandar diraja bertanda **Q**
- (iii) Bandar pentadbiran bertanda **R**
- (iv) Bandar pelabuhan bertanda **S**

[4 markah]

(b) Jadual 2 menunjukkan perubahan penduduk negara **X** antara tahun 1995 hingga 2015.

TAHUN	JUMLAH PENDUDUK
1995	40 juta
2005	38 juta
2015	36 juta

Jadual 2

Terangkan faktor yang mempengaruhi perubahan penduduk tersebut .

[6 markah]

(c) Petempatan bandar dan petempatan luar bandar saling bergantung serta mempengaruhi keperluan antara satu sama lain. Mengapakah petempatan bandar memerlukan petempatan luar bandar.

[4 markah]

(d) Terangkan faktor yang mempengaruhi seseorang melakukan migrasi antarabangsa

[6 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

Disediakan oleh

.....
Hamidah bt Maksom
Guru Geografi Tg5

Disemak oleh

.....
Noorazah bt Abd Hamid
Ketua Panitia Geografi

Disahkan oleh

.....
Zahana bt Hamzah
PK Pentadbiran

Soalan 9 (a) berdasarkan Peta 1 Malaysia di bawah



Peta 1 : MALAYSIA

P	Bandar sempadan	R	Bandar pentadbiran
Q	Bandar diraja	S	Bandar pelabuhan

